



Available on the iPhone  
App Store

GET IT ON  
Google Play



#Penjarakanfizikal - Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan

tempoh tamat

37  
Hari

13  
Jam

51  
Minit

ikuti Berita terkini Covid-19

NASIONAL KES POLITIK PENDIDIKAN WILAYAH

## MASKargo berjaya bawa masuk kumpulan pertama vaksin COVID-19

Februari 21, 2021 @ 4:27pm



Pesawat Airbus Airbus 330-300 MAS membawa kumpulan pertama vaksin COVID-19 keluaran Pfizer-BioNTech tiba di KLIA, pagi tadi. - Foto Facebook PDRM

KUALA LUMPUR: Anak syarikat kargo Malaysia Aviation Group (MAG), MABkargo Sdn Bhd (MASKargo) hari ini, berjaya menerbangkan kumpulan pertama vaksin COVID-19 ke Malaysia.

Lebih 300,000 dos vaksin Pfizer BioNTech diangkut menggunakan pesawat penumpang Airbus 330-300 dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kesihatan, Pfizer dan DHL Express.

Bercakap mengenai peristiwa bersejarah itu, Ketua Pegawai Eksekutif MAG, Kapten Izham Ismail, berkata kumpulan penerbangan itu bangga dapat berkhidmat untuk negara dalam misi yang amat penting ini ketika rakyat Malaysia dan penduduk berharap dapat menerima suntikan dos di bawah program vaksinasi nasional.

"Sebagai syarikat penerbangan negara, kami menggalas tanggungjawab untuk membawa vaksin secara serius kerana kejayaan program vaksinasi ini kunci dalam membantu negara mencapai pemulihan ekonomi dan kewangan," katanya dalam kenyataan.

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 6m  [Mengantara bangsakan bahasa Melayu perlu kerjasama](#)
- 9m  [Nasi lemak pandan, bunga telang, jana pendapatan hotel](#)
- 24m  [Cara saya masih terbaik dunia - Mourinho](#)
- 27m  [Petaka](#)
- 27m  [Calon SPM bersedia duduki peperiksaan walaupun gementar](#)
- 34m  [Tune Protect tinjau potensi sektor insurans ASEAN](#)
- 41m  [Himpun guru berbakat kongsi idea, pengajaran](#)
- 43m  [Program vaksinasi percepat pemulihan ekonomi](#)

## DISYORKAN UNTUK ANDA

- ['Bangga diberi tugas bawa pulang aset berharga untuk rakyat Malaysia'](#)
- [Kumpulan pertama vaksin COVID-19 tiba di tanah air](#)
- [Moderna, vaksin COVID-19 kedua di Singapura](#)
- [Hsien Loong lengkapkan dos vaksin COVID-19](#)

Walaupun sangat berpengalaman dalam menangani masa dan item yang sensitif terhadap suhu, Izham berkata, kumpulan itu masih bekerja keras bagi memastikan segala-galanya berjalan lancar.

"Tenaga kerja mahir kami dan infrastruktur yang mencukupi titik penting dalam memastikan pengendalian, pengangkutan dan pengedaran vaksin COVID-19 yang selamat dan bersih, ke Malaysia atau mana-mana bahagian dunia," katanya.

Pengedaran vaksin COVID-19 membabitkan protokol pengangkutan dan keselamatan yang sangat terselaras, untuk memastikan penghantarnya selamat ke pusat vaksinasi utama.

MASKargo melakukan simulasi langsung dan perjalanan percubaan semasa penerbangan berjadual antarabangsa dan domestik sebagai persediaan untuk pelbagai jenis vaksin, yang masing-masing mempunyai keperluan logistik yang berbeza di Malaysia.

"Kami berpuas hati misi hari ini berjaya diselesaikan dengan sokongan padu daripada kementerian dan rakan kongsi masing-masing.

"Kami menantikan misi serupa pada masa depan, memanfaatkan rangkaian pengangkutan dan kapakaran global kami yang meluas dalam memastikan penghantaran vaksin COVID-19 yang berjaya," katanya. – BERNAMA

## TRENDING



**ASEAN** 10 jam yang lepas

[COVID-19: Singapura siasat pemandu lori rakyat Malaysia](#)



**NASIONAL** Feb 21, 2021 @ 3:29pm

[Wanita kudung sebelah kaki ditinggalkan keluarga di tepi jalan](#)



**SELEBRITI** Feb 21, 2021 @ 3:00pm

[Acha belum bersara](#)



**SELEBRITI** Feb 21, 2021 @ 11:00am


[Rita tak 'terhegeh-hegeh' gila talak](#)



**NASIONAL** Feb 21, 2021 @ 10:15am

[Kumpulan pertama vaksin COVID-19 tiba di tanah air](#)

## BERITA BERKAITAN



**EROPAH** Feb 6, 2021 @ 7:06pm

[Agensi PBB mohon tangani masalah logistik babitkan COVAX](#)



**NASIONAL** Feb 21, 2021 @ 7:54am

[Vaksin COVID-19 pertama untuk Malaysia tiba pagi ini](#)





NASIONAL Feb 21, 2021 @ 12:40pm

**MASKargo kongsi kisah  
penerbangan kumpulan pertama  
vaksin COVID-19**



LAIN-LAIN (DUNIA) Feb 19, 2021 @ 7:53am

**Pengeluar vaksin COVID-19 mesti  
penuhi janji bantu negara miskin**



IKUTI KAMI DI:



**BERITA**  
[BHPLUS](#)  
[Nasional](#)  
[Kes](#)  
[Politik](#)  
[Pendidikan](#)  
[Wilayah](#)

**SUKAN**  
[DUNIA](#)  
[HIBURAN](#)  
[BISNES](#)  
[RENCANA](#)  
[WANITA](#)  
[HUJUNG MINGGU](#)

**MULTIMEDIA**  
[Foto](#)  
[BHTV](#)  
[Infografik](#)  
  
**LANGGAN**  
[Akhbar Digital](#)  
[Akhbar BH](#)

**PERKHIDMATAN**  
[Iklan Web](#)  
[1KLassifieds](#)  
[NSTP KLiK](#)

2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group  
[Redaksi](#) [Disclaimer](#) [Notis Perlindungan Data Peribadi](#)